

IMPAK NILAI PATRIOTISME DAN PERPADUAN PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN) : KAJIAN SOROTAN LITERATUR BERSISTEMATIK

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian ini dijalankan oleh Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) bagi menilai semula keberkesanan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) khususnya dalam aspek pembangunan semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan generasi muda. PLKN merupakan program nasional yang menekankan lima komponen utama, termasuk pembinaan jati diri, kesukarelawanan, pembentukan karakter positif serta pengukuhan integrasi nasional. Sejak dimansuhkan pada tahun 2018, terdapat keperluan mendesak untuk memahami semula impak program ini sebagai asas kepada perbincangan pemerkasaan atau penggubalan semula dasar yang lebih relevan dengan konteks masyarakat masa kini.

Permasalahan utama yang dikenal pasti ialah kemerosotan semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan belia, yang dilihat semakin membimbangkan dalam era pasca-modern dengan pengaruh media sosial, polarisasi masyarakat dan cabaran identiti nasional. Justeru itu, kajian ini dirancang untuk menjawab beberapa persoalan iaitu apakah tahap patriotisme dan perpaduan dalam kalangan bekas pelatih PLKN dan apakah impak sebenar program ini terhadap pembentukan nilai tersebut. Objektif kajian merangkumi mengenalpasti tahap patriotisme, tahap perpaduan, serta analisis impak kedua-dua nilai tersebut dalam konteks pelaksanaan PLKN. Kajian tertumpu kepada analisis kajian-kajian lepas yang berkaitan PLKN dan program seumpamanya di dalam dan luar negara, menggunakan kerangka analisis bertema bagi menilai pola dan jurang pengetahuan sedia ada.

Sorotan literatur yang dilakukan melalui kajian sorotan literatur bersistematik (SLR) menunjukkan bahawa PLKN telah menjadi subjek penyelidikan yang meluas sejak tahun 2004, khususnya dalam bidang identiti nasional, hubungan antara etnik, pembangunan karakter dan kesukarelawanan. Dapatan umum daripada literatur terdahulu memperlihatkan bahawa penyertaan dalam program khidmat negara berpotensi meningkatkan keyakinan diri, kefahaman rentas budaya serta komitmen terhadap nilai kebangsaan. Namun, beberapa kajian juga menekankan bahawa impak program adalah tidak seragam, dipengaruhi oleh kualiti pelaksanaan modul, kompetensi jurulatih, kesesuaian prasarana dan pengalaman sosial dalam kalangan peserta. Secara keseluruhan, sorotan literatur memberi gambaran bahawa program berskala nasional seperti PLKN mampu menjadi wahana membentuk generasi yang lebih bersatu dan berdaya saing tetapi memerlukan penambahbaikan dari segi reka bentuk dan pelaksanaan.

Kajian ini menggunakan kaedah *Systematic Literature Review* (SLR) berdasarkan kerangka PRISMA 2020, melibatkan proses pengenalpastian artikel, penyaringan, penentuan kelayakan dan analisis tematik. Sebanyak lebih 2.2 juta rekod artikel dikenal pasti melalui pangkalan data berdaftar dan setelah melalui proses saringan berperingkat, 29 artikel memenuhi kriteria kualiti berdasarkan *Mixed-Methods Appraisal Tool* (MMAT). Analisis dilakukan secara deduktif dengan memberi tumpuan kepada empat tema utama iaitu tahap patriotisme, tahap perpaduan, impak nilai patriotisme dan impak nilai perpaduan dalam konteks PLKN. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menilai secara komprehensif trend, pola dan dapatan empirikal yang telah dilaporkan dalam penyelidikan lepas.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa PLKN memberikan kesan positif dan signifikan terhadap pembangunan semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan pelatih. Program ini dilaporkan dapat meningkatkan rasa bangga terhadap negara, kefahaman terhadap sejarah Malaysia dan penghayatan terhadap identiti nasional. Dalam aspek perpaduan, kajian-kajian terdahulu mengesahkan wujudnya peningkatan interaksi antara etnik, penurunan prejudis serta pembentukan hubungan sosial yang lebih harmoni melalui aktiviti berkumpulan dalam kem. Impak ini bagaimanapun bergantung kepada pelaksanaan modul yang berkualiti, penyediaan prasarana, aktiviti luar kelas yang efektif serta pengalaman sosial yang semula jadi. Kajian turut menekankan keperluan penyelarasan semula modul agar lebih inklusif, dinamik dan relevan dengan realiti sosio-budaya semasa.

Secara keseluruhan, kajian ini menyimpulkan bahawa PLKN merupakan satu program yang berimpak tinggi dan mampu memperkukuh jati diri, patriotisme dan perpaduan dalam kalangan belia Malaysia. Dapatan menunjukkan perkembangan positif yang konsisten dalam aspek pembentukan identiti nasional dan hubungan antara budaya. Sehubungan itu, pengkaji mencadangkan agar Program Latihan Khidmat Negara dipertimbangkan untuk diwujudkan semula dengan penambahbaikan menyeluruh terhadap modul latihan, kemudahan fizikal serta pendekatan pedagogi agar ia lebih bersifat holistik dan sesuai dengan cabaran masa kini. Penambahbaikan ini diyakini dapat melahirkan generasi muda yang lebih bersatu, berdaya saing dan berkemampuan menyumbang kepada kestabilan serta keharmonian negara.